



Artikel Penyelidikan

Kraf Tenunan Sutera Pahang: Pengalaman Adiguru Natipah @ Nortipah Binti Abdul Kadir.

Noor Rahmawati Alias^{1*}, Nurulannisa Abdullah², Nur Zulaikha Mohd Faizal³, dan Nurfateha Hashim⁴

¹ UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343

² UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066

³ UiTM Cawangan Kelantan; zekhafaizal@gmail.com

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; fatehanur7@gmail.com

* Correspondence: rahmawati@uitm.edu.my; +60133595939.

Abstrak: Hasil seni Tenunan Sutera Pahang adalah hasil seni tenunan sutera yang dibawakan daripada istana di Mengkasar ke Tanah Melayu oleh Tuan Haji Keraing yang merupakan seorang pembesar Bugis. Hasil seni tenunan sutera ini diminati oleh golongan Diraja Pahang dan pembesar Pahang sehingga sekarang. Kajian ini merupakan kajian tentang sejarah bagaimana seni Tenunan Sutera Pahang bertapak Di Tanah Melayu dan dikembangkan oleh pewarisnya Puan Natipah@ Nortipah Binti Abdul Kadir. Kajian ini memaparkan informasi berkaitan latar belakang, pengalaman serta hasil seni tenunan dari segi corak, jenis sutera, corak kegemaran pelanggan Puan Natipah yang unik, ilham daripada dirinya sendiri melalui idea pembeli. Tujuan kajian ini dibuat adalah sebagai penghargaan kepada tokoh atas usaha beliau mengekalkan serta mengkomersialkan warisan seni budaya Pahang, di samping menjadikan hasil kajian sebagai satu wadah bacaan umum berkaitan warisan seni Pahang yang sekaligus memeriahkan ilmu dan pengetahuan khalayak ramai kepada perihal seni kebangsaan di sesuatu negeri di Malaysia.

Kata kunci: Tenunan Sutera Pahang, Puan Nortipah, Mengkasar, Pahang, Seni tenunan.

DOI: 10.5281/zenodo.11114598



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Tenunan Pahang (TP) atau lebih dikenali sebagai Tenun Pahang Diraja (TPD) atau Tenunan Sutera Diraja Pahang merupakan warisan kesenian kraf yang unik dan dikembangkan sehingga menjadi satu tarikan pelancong ke negeri Pahang (Yaacob et al., 2023). Kesenian ini dikatakan dibawa oleh pembesar Bugis atau Makasar dari Kepulauan Riau atau Sulawesi dan beliau mengembangkan kesenian ini di Kampung Mengkasar, Pekan, Pahang. Dikatakan juga hasil seni ini bertapak di Pahang pada peringkat permulaan sekitar Kampung Pulau Keladi seterusnya berkembang menjadi seni kegemaran istana diraja Pahang sehingga kini (Abu Bakar & Razali, 2023; Kerajaan Negeri Pahang, 2017).

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendalami ilmu seni warisan Tenunan Sutera Diraja Pahang dan mengenal pasti tokoh yang masih meneruskan perjuangan dalam mengekalkan seni warisan ini. Warisan budaya Malaysia merangkumi pelbagai bentuk, falsafah, dan simbol budaya yang unik. Justeru keunikan seni seperti ini perlu ditonjolkan untuk kepentingan generasi akan datang

agar budaya ini dapat dilestarikan, seterusnya masyarakat dan generasi muda menghargai keunikan yang diwarisi sejak zaman berzaman.

Perkisahan tokoh Puan Hajjah Nortipah atau Natipah bt Abd. Kadir adalah berkisar sekitar kisah beliau melalui pelbagai onak duri dalam memperkasakan dan mengekalkan kesenian tradisional yang kian ditelan zaman. Semua jenis tenunan mempunyai makna dan sejarah tersendiri dan Tenunan Diraja Pahang adalah salah satu tekstil buatan tempatan dan sering diberi perhatian. Dipercayai bahawa kemahiran tenun ini telah tertanam di negara ini selama beratus-ratus tahun. Dengan adanya usaha Puan Nortipah atau dikenali dengan nama lebih mesra, Makteh dalam memperjuangkan hasil seni inilah yang memberi lebih besar semangat juangan terhadap seni melayu tradisional kepada generasi baru. Peranan dan tanggungjawab memelihara budaya sangat signifikan kerana budaya adalah identiti sesuatu bangsa dan negara.

Makteh telah mempelajari kemahiran mengait ini sejak muda. Minatnya yang mendalam memudahkan dia menerima semua yang diajarkan oleh guru. Hingga kini, dia masih "orang lama" yang mewarisi hasil rajutan Pahang yang masih aktif. Dia juga menjadi rujukan pakar untuk banyak jenis lapisan masyarakat untuk mempelajari lebih lanjut reka bentuk dan falsafah tradisional di sebalik tenunan ini. Keindahan kain tenun Pahang Diraja ini adalah lambang kebanggaan negeri itu sendiri. Kraftangan ini merupakan seni kraftangan yang popular di dalam kalangan golongan istana dan bangsawan serta masyarakat umum di Pahang.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Dorongan utama bagi penghasilan dokumentasi kajian ini adalah pengetahuan serta minat yang semakin berkurangan dalam kalangan generasi muda terhadap seni warisan ini. Meskipun terdapat banyak permintaan terhadap pengeluaran kain sutera diraja Pahang ini di mana para ilmuan juga institusi diraja di Malaysia sendiri telah menyuarakan akan keperluan mengikut peralihan zaman dan menghasilkan kesenian selari dengan keperluan peredaran masa. Sebilangan besar pereka kraf dan tekstil masa kini adalah kreatif dan mahir dan adalah penting agar mereka juga memiliki motivasi untuk membentuk keperibadian usahawan dan meneruskan perjuangan memartabatkan seni warisan melayu, terutama topik yang sedang dibincangkan ini, kain Sutera Tenunan Pahang Diraja. Justeru itu, hebahan penglibatan daripada penduduk tempatan yang bergiat aktif dalam memelihara sesuatu budaya kesenian boleh dijadikan sebagai wadah untuk memelihara keunikan yang ada dalam sesuatu masyarakat.

Kesungguhan para ilmuan meneruskan seni tenunan tersebut memberikan banyak kebaikan kepada masyarakat yang masih mahu memperagakan fabrik dan tekstil di dalam corak tenunan Sutera Diraja Pahang ini. Kajian ini telah memilih salah seorang ahli seni kehormat iaitu Puan Nortipah yang masih lagi meneruskan seni tenunan ini sehingga ke hari ini. Himpunan koleksi kain tenun lama warisan keluarga yang masih disimpan dengan baik dan terpelihara mempamerkan kecintaan dan penghayatan beliau pada seni warisan ini. Beliau masih bersemangat untuk mengekalkan corak lama dan menyelitkan sentuhan moden selaras dengan peredaran zaman untuk melestarikan fabrik tenunan tradisi ini.

Sesi temuramah secara bersemuka dengan beliau telah dilaksanakan pada tahun 2008. Hasil temu bual tersebut telah diadun dengan sedikit penambahan maklumat terkini bagi memperlihatkan scenario yang lebih luas dan terkini mengenai usaha karyawan seni ini.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dibuat bagi merealisasikan beberapa objektif seperti berikut:

- i. Membuat perkisahan latar belakang serta perjalanan tokoh memperjuangkan bidang Tenun Diraja Pahang.
- ii. Mendokumentasikan ciri-ciri keistimewaan dan tersendiri berkenaan Tenun Diraja Pahang bagi mengelakkan seni warisan ini dilupakan kerana peredaran zaman.
- iii. Memberi penghargaan kepada tokoh dalam bentuk penulisan atas usaha beliau meningkatkan hasil dan martabat Tenunan Diraja Pahang.

4. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada penglibatan dan usaha tokoh dalam memeriahkan hasil kesenian Tenunan Diraja Pahang serta memperkenalkan hasil seni ini kepada khalayak ramai dengan memberi keutamaan kepada persoalan-persoalan seperti berikut:

- i. Bagaimana tokoh memulakan penglibatan dalam penghasilan seni Tenun Diraja Pahang?
- ii. Apakah ciri-ciri keistimewaan Tenun Diraja Pahang sehingga ia menjadi tumpuan pihak istana dan bangsawan Pahang, dan seterusnya khalayak ramai?
- iii. Apakah nasihat dan harapan tokoh mengenai seni tenunan ini?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Antara kepentingan kajian ini terhadap hasil seni tenunan sutera pahang ini ialah ia boleh membuka mata kesemua generasi baharu di Malaysia agar lebih menghargai karyawan seni serta hasil seni tradisional negara ini. Kajian ini mengetengahkan figura penting yang telah dinobatkan sebagai Adiguru Kraf Tenun Pahang Diraja pada tahun 2006 menunjukkan betapa besar budi beliau kepada bidang seni ini. Selain daripada itu, kajian ini juga memberi pendedahan kepada masyarakat di luar sana tentang proses penghasilan sehelai kain tenunan sutera Pahang ini bukan suatu proses yang mudah untuk penenun itu sendiri. Hal ini kerana, ia mengambil kira dari segi semua aspek, bermula daripada pemilihan bahan mentah iaitu sutera dan juga alatan yang digunakan oleh penenun dalam menghasilkan sehelai kain tenunan sutera yang berkualiti.

Kajian ini juga memungkinkan masyarakat melihat sendiri perkembangan dan perubahan yang berlaku di dalam bidang tenunan sutera ini di mana, dahulu nya kain tenunan sutera ini hanya dipakai oleh golongan diraja dan orang besar di negeri pahang sahaja. Kini rakyat biasa juga boleh memiliki sehelai kain sutera Pahang ini mengikut kehendak dan citarasa pelanggan itu sendiri. Pemilihan corak adalah berdasarkan kehendak pelanggan itu sendiri dan melalui kajian ini masyarakat boleh melihat perkembangan pelbagai pilihan corak yang sesuai mengikut peredaran masa. Selain itu, setiap corak di sehelai kain tenunan sutera Pahang ini mempunyai keunikannya tersendiri yang membuktikan bahawa kain itu daripada Pahang.

6. TINJAUAN LITERATUR

Tenunan Diraja Pahang atau Tenunan Sutera Pahang adalah warisan seni negeri Pahang yang terpelihara dan dikatakan merupakan antara warisan hasil seni tangan yang tertua di Malaysia (Abdul Jabbar, 2015). Sejarah awal seni tenunan ini adalah bermula daripada sebuah pelabuhan di Mengkasar, Sulawesi yang telah diserang oleh Belanda pada tahun 1669 menyebabkan penduduk di Mengkasar berhijrah ke selatan Tanah Melayu (Ismail & Abdullah, 2012). Selepas wawancara dilakukan bersama

Puan Natipah@ Nortipah Binti Abd Kadir iaitu pewaris warisan seni untuk generasi yang ke -11, beliau telah mengesahkan bahawa seni Tenunan Diraja Pahang atau Tenun Sutera Pahang adalah berasal daripada Mengkasar dan juga pengasasnya ialah Keraing Aji atau lebih dikenali sebagai Tok Tuan yang berketurunan Bugis yang telah berhijrah daripada Mengkasar ke Tanah Melayu dan membawa kepakaran beliau dalam menenun ke Tanah Melayu apabila beliau menetap di Pulau Keladi, Pekan, Pahang .

Kain tenun ini mula mendapat perhatian daripada seorang pegawai British yang bernama Cevil Gray yang mencuba untuk mengembangkan lagi karya seni tenun ini pada abad ke-20 tetapi usahanya gagal. Beliau akhirnya berjaya untuk membawa ke depan seni tenun yang dihasilkan oleh Tok Tuan setelah tenunan ini mendapat perhatian daripada kerabat Diraja Pahang iaitu Tuanku Tengku Ampuan Mariam (Ismail & Abdullah, 2012). Setelah itu, kain tenunan buatan keluarga Tok Tuan mulai dipakai oleh golongan diraja dan orang – orang besar di negeri Pahang. Kain tenun sutera Pahang ini bukan sahaja dibuat untuk dipakai oleh golongan diraja dan pembesar – pembesar negeri Pahang sahaja. Malah kain ini juga telah dijadikan sebagai hadiah atau tanda penghargaan kepada orang luar atau negara luar yang telah datang ke negeri Pahang ketika itu. Orang pertama yang mendapat kain ini sebagai tanda penghargaan ialah Sultan Ibrahim iaitu bekas Sultan Johor (Institut Kraftangan Negara, 2022).

Kerajaan negeri Pahang telah mengambil inisiatif bagi memastikan seni kraftangan Pahang tidak pupus terutamanya sekitar tahun 1949 hingga 1960-an dengan memberi perhatian kepada industri tenunan ini. Pada tahun 1963, kerajaan negeri telah bekerjasama dengan RIDA (Rural and Industrial Development Authority) untuk terus memajukan industri tenunan ini (Ismail & Abdullah, 2012). Tenunan ini kekal dipelihara sehingga sekarang apabila kerajaan negeri Pahang telah mewujudkan Institut Kemahiran Tenun Pahang Diraja di Pekan, Pahang dan juga Kompleks Pengembangan Tenun Pahang Diraja Sultan Haji Ahmad Shah yang berada di Kampung Soi. Kerajaan negeri Pahang telah memelihara kraf Tenun Sutera Pahang dan kraf ini telah menyumbang kepada industri pelancongan negeri Pahang (Amirruddin et al., 2018). Buktinya sekarang, songket Malaysia termasuk tenunan Diraja Pahang juga telah diiktiraf sebagai Warisan Budaya Takbenda Dunia atau World Intangible Cultural Heritage oleh UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization) pada tahun 2021 (UNESCO, 2021).

Puan Natipah menceritakan pengalaman beliau dan para penenun lain yang telah dihantar oleh Jabatan MARA ke Terengganu selama 6 bulan untuk belajar bersama guru penenun di sana. Di sana, beliau bertemu dengan seorang penenun daripada Sabah dan mereka bertukar idea dan bertukar ilmu serta kemahiran mereka melalui tenunan dan sulaman. Tokoh ini juga tekun menambahkan ilmu berkaitan tenunan, beliau akan pergi ke mana sahaja untuk menuntut lebih banyak ilmu dan kemahiran menenun daripada penenun lain. Kecintaan beliau kepada ilmu dan seni tenunan ini telah mendapat beberapa pengiktirafan seperti penghargaan sempena Perayaan Hari Peladan, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1995 daripada Kementerian Pertanian Malaysia, Anugerah Rekaan Kraf 1996/97 dan Penghargaan Pertandingan Wicitra 1990 anjuran Kraftangan Malaysia. Kemuncak kejayaan beliau ialah apabila Kraftangan Malaysia telah melantik beliau sebagai Adiguru Kraf Tenun Pahang Diraja pada tahun 2006 bagi menghargai sumbangan beliau dalam mempertahankan seni warisan bangsa (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2024).

Tenunan Pahang menggunakan kos asal yang agak besar kerana penggunaan benang sutera dalam penghasilan tekstil tenunan. Dewasa kini, terdapat kajian yang cuba menghasilkan benang alternatif yang menggunakan kos yang lebih rendah namun menghasilkan tenunan yang berkualiti standing dengan tenunan asal. Kajian ini menunjukkan gabungan bahan bernama buluh dan modal

yang ditenun bersama lilitan sutera menghasilkan tenunan yang berkualiti sama tanding dengan tenunan asal yang menggunakan sepenuhnya sutera dari segi kekuatan dan kekakuan tekstil walaupun menggunakan kos pembuatan yang lebih rendah. Ini adalah satu penemuan yang baik bagi membolehkan tenunan Pahang boleh dibeli dan dipakai oleh rakyat yang berpendapatan lebih rendah apabila kos pembuatan lebih menjimatkan, dengan jaminan kualiti dan keselesaan pemakai yang baik (Engku Mohd Suhaimi, 2016).

Tekstil berkembang dari keperluan manusia yang sederhana menjadi alat seni yang telah berfungsi sebagai lambang seni budaya negara selama beberapa dekad. Pada mulanya, kain tenunan dimaksudkan untuk digunakan untuk menutupi tubuh manusia tetapi telah berkembang menjadi sebahagian daripada karya seni. Masyarakat di setiap pelosok dunia umumnya mempunyai seni tekstil sendiri dan ini dianggap sebagai sebahagian daripada peradaban manusia. Hasil observasi terhadap alam dengan keupayaan untuk mencari segala rahsia keindahan dan keistimewaannya adalah menjadi sebahagian daripada aktiviti kehidupan para pereka motif tenunan songket Melayu dahulu kala. Songket mempunyai pelbagai hiasan atau motif yang dapat memenuhi selera manusia dari sudut pandang seni yang lahir dari pemikiran dan disampaikan dengan rasa kagum (Ab. Aziz, 2015).

Tenun Diraja Pahang ini dikatakan mempunyai keistimewaan dan keunikan standing dengan songket Terengganu, songket Kelantan, sutera China, sutera India dan sutera Siam (Ismail & Abdullah, 2012). Reka bentuk Tenunan Diraja Pahang terbahagi kepada empat kategori: asas (corak asas), mulia (corak bangsawan), tradisional (corak tradisional), dan halus (corak olahan). Sejak sebelum merdeka, langkah-langkah pemuliharaan telah dilakukan untuk melindungi kelangsungan aktiviti seni tenun yang dapat diturunkan kepada generasi akan datang. Operasi tenun berubah-ubah kerana isu politik global seperti faktor dalaman atau perang. Pada dasarnya reka corak yang menjadi pilihan para penenun adalah jalinan tradisi yang dipelopori oleh Tok Tuan Keraing Aji iaitu jaluran berdiri atau melintang (Abdul Jabbar, 2019; Yaakob et al., 2023).

Kemajuan teknologi boleh menyumbang pada lahirnya pemahaman akan fungsi struktur tenun. Hari ini, terdapat jenis corak-corak yang tidak terkira banyaknya. Reka corak dan ragam hias yang menghiasi kain Tenun Pahang Diraja ini menonjolkan simbol-simbol sebagai perlambangan kepada maksud tertentu dalam masyarakat tempatan di sekitarnya. Begitu juga keindahan fabrik ini yang tidak dapat dipisahkan dari reka coraknya tersendiri (Abdul Jabbar, 2019).

7. METODOLOGI

Sejarah lisan ialah suatu kajian yang dirakam secara wawancara. Tokoh yang dipilih adalah tokoh yang telah memberi sumbangan bersejarah kepada negara melalui hasil penglibatan dan pengalaman tokoh itu sendiri ketika peristiwa itu berlaku. Maklumat yang diterima melalui wawancara ini kemudian akan disalin dan ditaip untuk membolehkan penggunaannya sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan terhadap tokoh ini di masa hadapan.

Di dalam kajian ini tokoh telah dipilih melalui beberapa ciri - ciri tertentu seperti berumur lebih daripada 45 tahun, sihat tubuh badan dan mempunyai latar belakang yang menarik. Kajian ini memfokuskan tokoh yang di dalam bidang budaya dan warisan yang berada di negeri – negeri pantai timur seperti Pahang, Kelantan dan Terengganu. Tokoh juga harus mempunyai sejarah tentang diri sendiri ataupun pengalaman yang telah dilaluinya.

Kajian ini telah memilih Puan Natipah@ Nortipah Binti Abdul Kadir iaitu tokoh dan juga seorang adiguru daripada bidang Seni Tenunan Sutera Pahang. Beliau merupakan generasi ke -12 dalam menyambung legasi keluarga di dalam bidang Tenunan Sutera Pahang ini. Data kajian ini dikumpul melalui carian informasi di internet dan artikel – artikel yang telah ditulis dan diterbitkan mengenai tokoh Tenun Sutera Pahang ini. Melalui carian di internet, pengkaji merangka soalan – soalan yang sesuai untuk ditanyakan ketika sesi temubual iaitu soalan tentang latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan, pengalaman ketika menuntut ilmu tenunan, pengalaman kerjaya, sumbangan, harapan dan soalan lain – lain.

Antara prosedur mengumpul data untuk kajian ini ialah mencari nombor telefon Puan Natipah@ Nortipah untuk menghubungi beliau dan menyatakan hasrat untuk menmubual beliau mengenai hasil seni karya beliau dan sejarah bagaimana Tenunan Sutera Pahang ini boleh bertapak di negeri pahang. Setelah mendapat nombor telefon anak perempuan Puan Natipah@ Nortipah, pengkaji telah bertanyakan persetujuan beliau untuk menemu bual beliau dan beliau telah setuju dan meminta pengkaji untuk memberikan tarikh dan waktu yang bersesuaian. Proses temu bual ini telah dijalankan secara atas talian sahaja iaitu *Online Platform* melalui aplikasi *Google Meet* dan pengkaji telah merakam perbualan dan informasi yang telah dikongsikan oleh Puan Natipah@ Nortipah dengan sebanyak 87 soalan selama 1 jam 45 minit.

8. HASIL KAJIAN

Hasil daripada kajian literatur dan temubual yang telah dilakukan, pengkaji telah membahagikan dapatan kajian kepada tiga bahagian bahagian informasi yang utama iaitu:

- Penglibatan Makteh dalam Seni Tenunan Diraja Pahang
- Keistimewaan Tenun Diraja Pahang
- Pesanan dan Harapan Makteh

Penglibatan Makteh dalam Seni Tenunan Diraja Pahang

Bakat kesenian yang mengalir dalam diri Makteh adalah dari ibunya Puan Noraziah Abd Kadir dan ibu saudara beliau Puan Sapora Hanum Abd Kadir. Makteh mewarisi kemahiran menenun ini sejak zaman remaja dan minat yang mendalam menyebabkan tokoh ini mudah menerima segala yang dipelajarinya. Sehingga kini tokoh ini dikatakan merupakan satu-satunya pewaris Tenun Sutera Pahang yang masih aktif. Sokongan dan dorongan daripada keluarga menjadikan beliau begitu aktif untuk bergiat secara serius dalam bidang tenunan ini. Beliau sentiasa menerima tempahan daripada kerabat diraja, pembesar-pembesar negara dan individu. Tokoh ini akhirnya telah dilantik oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sebagai Adiguru Kraf Tenun Pahang Diraja pada tahun 2006 bagi menghargai sumbangan beliau yang memperjuangkan dan mempertahankan seni warisan bangsa.

Makteh sentiasa menjadi pakar rujukan Institut Kemahiran Tenunan Pahang Diraja untuk mengetahui lebih lanjut mengenai reka bentuk dan falsafah tenunan tradisional. Pembangunan teknologi terkini meningkatkan penghasilan teknik dan corak baru namun perlu ada pakar seni yang dijadikan sumber rujukan untuk memastikan keaslian seni tenunan ini terpelihara dan dapat dipelajari dan diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi.

Pelbagai koleksi kain tenunan dikatakan masih ada dan disimpan oleh makcik beliau yang tinggal kampung yang sama dengan Makteh iaitu Kampung Pulau Keladi, 5 kilometer dari Bandar Pekan, Bandar Diraja Pahang. Kampung ini merupakan perkampungan yang mengumpulkan kesemua

para penenun di Pahang dan ahli keluarga Makteh merupakan para penenun yang teramai. Makteh memaklumkan bahawa sehingga kini penerus dan pewaris seni tenun ini masih lagi membuat tenunan untuk golongan diraja dan orang – orang besar di negeri Pahang dan luar Pahang. Di kampung ini juga, sebuah pusat kraftangan telah didirikan dan Makteh telah diberi tanggungjawab untuk memimpin sekumpulan penenun yang bekerja di institusi tersebut. Pusat kraftangan, yang bermula pada tahun 1980-an, adalah pusat tenunan utama Pahang, yang menyediakan kemungkinan bagi penenun untuk bekerja dan menjual barang-barang mereka.

Keistimewaan Tenun Diraja Pahang

Makteh mengakui bahawa kualiti kain tenun sutera Pahang ini sangat bagus dan teliti pembuatannya sehingga boleh mengkendong air kerana kain itu ditenun dengan begitu rapat dan halus serta mempunyai ciri-ciri corak yang tersendiri. Harga songket tenunan ini sangat eksklusif di mana bagi panjang kain kurang daripada tiga meter boleh berharga lebih dari RM300 sehelai dan harganya juga boleh mencecah ribuan ringgit. Reka bentuk biasa Tenun Pahang merangkumi garis dan kotak, sementara corak yang rumit pada kain dicapai melalui tenunan yang teliti. Terdapat motif dan corak yang berbeza yang terdapat pada Tenun Pahang, dan tidak seperti reka bentuk tenunan tangan lain seperti songket (yang lebih rumit dengan corak dengan benang emas atau perak), Tenun Pahang lebih asas dan dibuat dengan warna lembut.

Hasil kajian ini seterusnya dibahagikan kepada enam kategori informasi berkaitan keunikan tenunan ini sebagaimana berikut.

1) Asal Usul Tenunan Sutera Pahang

Seni Tenunan Sutera Pahang berasal daripada Mengkasar, Sulawesi, Indonesia. Dicerita kan oleh Puan Natipah@ Nortipah Abd Kadir bahawa seni ini berasal dari istana di sana dan telah dibawa keluar oleh moyang beliau iaitu pengasas seni Tenunan Sutera Pahang ini di Tanah Melayu iaitu Keraing Aji atau lebih dikenali sebagai Tok Tuan.


2) Cara Penjagaan Kain Tenunan Sutera Pahang

Sehelai kain tenun sutera pahang yang sudah siap harus dijaga rapi kerana kain tenun sutera Pahang ini sangat sensitif. Ia tidak boleh dibasuh dengan cara yang moden iaitu menggunakan mesin basuh, tetapi pemakai haruslah membasuh dengan menggunakan tangan dan tidak boleh diperah dan harus elakkan daripada terdedah terus kepada cahaya matahari bagi mengelakkan kain tersebut luntur dan rosak.

3) Jenis – jenis Corak dalam Tenun sutera Pahang

Jenis corak terbahagi kepada tiga iaitu corak asas Tenun Pahang, corak bangsawan dan olahan corak tenun Pahang:

- 1) Corak asas tenun Pahang
 - Corak Jalur Melintang atau Mengiring
 - Corak Jalur Menegak atau Berdiri
 - Corak Berpetak (Tapak Catur)



Gambar 1: Corak jalur menegak atau berdiri.

- 2) Corak bangsawan
- Corak Dato' Mahmud
 - Corak Orang Kenamaan
 - Corak Datuk Bandar
 - Corak Tok Muda
 - Corak Tengku Ampuan
 - Corak Tun Razak



Gambar 2: Corak orang kenamaan.

- 3) Corak tenun Pahang
- Corak Tubok Sekampung
 - Corak Selumbar Nibong
 - Corak Belah Buluh
 - Corak Beragi
 - Corak Tapak Catur Berlapis
 - Corak Beranak
 - Corak Seluang Mudik
 - Corak Bugis
 - Corak Pahang Jalur 7
 - Corak Jalur Melintang Di Tengah



Gambar 3: Corak belah buluh

4) Jenis – jenis Peralatan Menenun Sutera Pahang

Peralatan ini digunakan secara tradisional daripada dahulu hingga kini untuk menghasilkan kain tenunan yang berkualiti dan untuk mengekalkan keaslian kain tenun itu sendiri. Peralatan adalah seperti berikut:

- Papan Gulung
- Cuban
- Torak
- Peleting
- Alat Guwing
- Alat Rahat

5) Bahan Mentah

Makteh menyatakan bahawa bagi mendapatkan bahan mentah adalah senang tetapi pada harga yang agak mahal. Oleh itu adalah sangat penting untuk memastikan permintaan atau tempahan pelanggan sentiasa konsisten bagi memudahkan perancangan pembelian bahan-bahan mentah. Sehubungan itu, kualiti tenunan perlu dikekalkan pada tahap yg memuaskan hati pelanggan agar tempahan sentiasa ada. Pelbagai jenis bahan mentah asas diperlukan seperti benang sutera dan benang logam, manakala bahan pewarna digunakan untuk membantu meningkatkan hasil reka bentuk corak.



Gambar 4: Benang sutera



Gambar 5: Benang logam



Gambar 6: Bahan pewarna tekstil

6) Proses Penghasilan Kain Tenun Pahang Diraja

Terdapat sembilan proses bagi menghasilkan kain tenun Pahang diraja. Proses ini perlu dilakukan sepenuhnya oleh semua ahli-ahli seni yang meneruskan usaha menghasilkan kain tenun Pahang diraja. Sembilan proses tersebut adalah:

- i. Melikas
- ii. Mewarna
- iii. Menerau
- iv. Menganing
- v. Menyusuk/ Menyampuk
- vi. Menggulung
- vii. Mengarat
- viii. Menyongket
- ix. Menenun

Kaedah ini sangat memakan masa sehingga sehelai kain Tenun Diraja Pahang memerlukan waktu berminggu-minggu untuk dibuat, bergantung pada kerumitan reka bentuk dan kemampuan penenun. Perkembangan pembuatan kain tempatan, yang merangkumi kain tenun Pahang, juga dipengaruhi oleh perubahan zaman. Dia melaksanakan pembaharuan hingga tahap tertentu sebagai pengusaha dan pembuatan kain tenun. Meskipun demikian, dia memastikan bahawa aspek tradisional, terutama corak pola dan tip kuno, dipatuhi untuk menjaga keunikan Kain Tenun Pahang, yang terkenal dengan keindahan dan kehalusannya. Reka bentuk asas, sama ada memanjang atau dengan garis mendatar, atau kotak-kotak, sering digunakan pada kain tenun Pahang. Tenun Pahang dapat dikenali dengan hiasan bunga kecil yang disebut colek yang tersebar di seluruh kain, yang biasanya terbuat dari benang logam dan mempunyai ekor kecil.

Pesanan dan Harapan Makteh

Makteh menyatakan bahawa cabaran utama bidang kesenian ini adalah usaha untuk mengekalkan kualiti tinggi fabrik yang dihasilkan oleh tenunan istimewa ini. Beliau berpendapat semakin lama kain tenun sutera Pahang ini sudah semakin menurun kualitasnya dan beliau berusaha untuk mengekalkan tradisi keluarga dan mengekalkan kualiti kain tenun itu sejak turun temurun. Selain itu, beliau juga berkata sejak berlakunya pandemik Covid-19, permintaan untuk kain tenun sutera Pahang ini agak menurun pada awal tahun 2021. Beliau juga mengharapkan lebih ramai orang yang mengetahui tentang seni tenun sutera Pahang ini dan lebih ramai orang mengenali seni ini dan ingin mempelajarinya agar ilmu dan seni ini tidak dilupakan dan pupus dari dunia ini. Selain itu, beliau

juga berharap agar generasi muda kini mengetahui serba sedikit tentang cara pengeluaran kain tenun sutera Pahang ini meskipun mereka sendiri tidak terlibat secara langsung dengan perusahaan ini.

9. KESIMPULAN

Secara konklusinya, kajian yang dilakukan memberi impak yang sangat hebat kepada para pengkaji serta mereka yang pernah mendalami ilmu seni warisan tradisional ini. Sesi menemu ramah Puan Nortipah adalah pilihan dan keputusan yang terbaik pernah pengkaji lakukan kerana sama ada secara sedar atau tidak, generasi muda khususnya tidak memberikan perhatian kepada kraf indah ini. Fenomena ini berpotensi menyebabkan seni nenek moyang kita menjadi usang. Kelangsungan hidup tenun berkat usaha dan pengabdian sejumlah pihak, termasuk kementerian, kerabat diraja, dan aktivis seni lokal.

Cadangan pengkaji adalah diwujudkan sesi dialog atau apa jua bentuk wacana bagi meneliti secara lebih mendalam hubungan seni tenunan ini antara negeri Pahang dan Sulawesi. Ini boleh meningkatkan hubungan antara dua wilayah serta meninggikan lagi kedudukan seni kebudayaan tenunan ini dalam kalangan generasi muda khususnya pencinta seni.

Perungkaian mesej terhadap seni warisan tenunan ini adalah hanya satu iaitu menunjukkan simbol tradisional yang diwariskan oleh generasi lalu. Hasilnya, kecemerlangan para penenun yang mahir serta corak kemahiran mereka diharapkan agar sentiasa mencapai kriteria pasaran terkini melalui inovasi tenunan yang memenuhi permintaan pelanggan kontemporari di samping mengekalkan kelestarian seni yang unggul. Seni ini dapat dilestarikan untuk dihayati oleh generasi akan datang dengan meningkatkan penggunaan teknologi, peralatan, dan bahan mentah yang sesuai agar seni ini dapat mengikuti perkembangan seni dunia.

RUJUKAN

- Ab. Aziz, A. (2015). Seni tenunan songket: Identiti, lambang dan tradisi budaya Melayu. *ICOMHAC2015 eproceedings*, 368-380.
- Abdul Jabbar, H., Bujang, R., Hamidon, N. A., & Ab Aziz, A. I. (2015). Tenun Pahang Diraja: Melestarikan kesenian warisan Melayu melalui aktiviti tenun dalam kalangan banduan. *ICOMHAC2015 eproceedings*, 648-660
- Abdul Jabbar, H., Hamidon, N. A., Ab Kadir, M. I., & Jabbar, A. R. A. (2019). Kain Tenun Pahang dan kain tenun Sulawesi: Satu kajian perbandingan awal: Kain Tenun Pahang And Kain Tenun Sulawesi: A Preliminary Comparative Study. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 53-70.
- Amirruddin, S. A., Ahmad, H. B., Jusoh, H., Idris, M., & Bakar, R. A. (2018). Peranan Pengusaha Dalam Pembangunan Warisan Tenunan Pahang DiRaja. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1).
- Abu Bakar, N. & Razali, J. R. (2023). The Aesthetic Of Tenun Pahang Patterns. *International Journal of Education, Language, Literature, Arts, Culture, and Social Humanities*, 1(3), 168-183.
- Engku Mohd Suhaimi, E. L. Z. (2016). Physical and mechanical properties of Tenun Pahang fabrics using alternative yarns. *Scientific Research Journal*, 13(2), 68-83.
- Ismail, M., & Abdullah, F. (2012). Tenun Pahang Diraja. *Voice of Academia*, 7(1), 88-107.
- Norsita, M. S., Zularisam, A. W., Nasrullah, M., Syukor, A. A., & Najib, N. W. A. Z. (2014). Reclamation of Dye Coloured of Tenun Textile Wastewater Using Application of Membrane Technology. In 4th International Conference of Environment and Biosciences.
- Pahang, Kerajaan Negeri (2017). Tenun Pahang. Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pahang. <https://www.pahang.gov.my/index.php/pages/view/365?mid=89>
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (2024). Adiguru Kraf Tenunan Diraja Pahang: Puan Natipah @ Nortipah Abd. Kadir. Laman Web Rasmi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. <https://kraftangan.gov.my/info/adiguru-kraf/puan-natipah-nortipah-abd-kadir>
- Institut Kraftangan Negara (2022). Tenun Pahang Diraja. Capaian pada 4/3/2024 <https://fliphtml5.com/homepage/fgdwf/iKn/>
- UNESCO (2021). Songket. UNESCO Intangible Cultural Heritage. Capaian pada 4/3/2024 di laman sesawang <https://ich.unesco.org/en/RL/songket-01505>
- Yaacob, Z., Idris, K. B., & Affendi, F. R. (2023). Tenun Pahang Diraja: Pride of the Malay heritage. *ARTE: Art & Expression*, March 2023, 26-31.